



Konsep Wang dan al-Şarf Menurut Perspektif Syariah

Abdul Rahman A Shukor¹
Joni Tamkin Borhan²

ABSTRAK

Wang adalah element penting dalam kehidupan moden. Manusia menggunakan wang sebagai alat pertukaran dalam kehidupan mereka dan mencipta kekayaan melalui wang. Namun, Islam mempunyai pandangan tersendiri terhadap konsep wang dan mempunyai peraturan khusus bagi pertukaran wang. Tujuan kajian ini ialah mengkaji pandangan Islam terhadap konsep wang dan peraturan al-sarf. Kajian akan mengenapasti data daripada Al-Quran, Hadith dan pandangan ulama dalam isu ini. Hasil kajian mendapati wang adalah pengukur nilai dan alat pertukaran dalam transaksi. Islam tidak menghadkan wang daripada emas dan perak sahaja dan ia diterima daripada item lain selagi ia diperakui dan diterima oleh orang ramai. Wang tertakluk kepada zakat kerana setiap pendapatan yang diperolehi terdapat bahagian untuk golongan yang memerlukan. Wang juga perlu dikeluarkan oleh pemerintah negara untuk mengelakkan kegiatan manipulasi wang daripada orang ramai. Wang adalah barangan ribawi dan tertakluk kepada peraturan al-şarf supaya pertukaran wang tidak terlibat dengan riba. Islam tidak menganggap wang sebagai komoditi maka setiap transaksi perlu melibatkan komoditi sebenar dan hasil pengeluaran.

Kata kunci: wang, alat pertukaran, al-şarf, dinar, dirham

PENGENALAN

Wang dikenali sebagai *naqd* (kata nama tunggal) atau *nuqūd* (kata nama jamak) dalam Bahasa Arab. Perkataan *nuqūd* tidak didapati di dalam Al-Quran atau hadith kerana masyarakat Arab menggunakan *nuqūd* untuk menunjukkan kepada harga. Masyarakat Arab menggunakan nama *dīnār* bagi wang yang diperbuat daripada emas dan nama *dirhām* untuk wang yang diperbuat daripada perak. Masyarakat Arab menggunakan perkataa *wariq* untuk menunjukkan kepada

¹ Calon PhD di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

² Profesor di Jabatan Syariah & Ekonomi, Universiti Malaya.

wang dirham perak. Manakala *‘ayn* menunjukkan kepada wang dinar emas. *Fulūs* pula merujuk kepada wang kelas kedua untuk membeli barangan yang berharga amat kecil dan rendah.

Ulama tidak memberikan takrifan yang khusus kepada *nuqūd* dalam kitab-kitab fiqh dan mereka tidak mengkhususkan *nuqūd* untuk matawang yang diperbuat daripada emas dan perak sahaja. Bahkan *nuqūd* dikaitkan dengan semua jenis matawang. Namun begitu, pengertian wang dapat dilihat melalui huraian ulama tentang fungsi wang.

FUNGSI WANG DALAM ISLAM

Ibn Taymiyyah menerangkan dirham dan dinar tidak diketahui definisinya samada dari bahasa ataupun syarak. Definisi ini perlu dirujuk kepada adat dan istilah umum dalam masyarakat. Ini disebabkan dirham dan dinar secara semula jadi bukan dijadikan sebagai tujuan utama tetapi sebagai pengukur nilai untuk sesuatu yang digunakan mereka dalam jual beli.³

Dr. Ahmad Hasan merumuskan pengertian wang berdasarkan pelbagai pandangan ulama. Menurut beliau wang ialah “*alat yang digunakan oleh manusia sebagai pengukur nilai dan medium pertukaran.*” Definisi ini menjelaskan wang tidak terhad kepada emas dan perak dan fungsi utama wang ialah menjadi pengukur nilai bagi barangan dan medium pertukaran dalam sebarang urusan.⁴

Alat Pengukur Nilai

Imam al-Ghazālī menyebut wang ialah pengukur nilai sesuatu barang. Allah menciptakan dinar dan dirham sebagai hakim dan pengukur nilai di kalangan harta sehingga seluruh harta boleh diukur dengan keduanya. Contoh seekor unta ini menyamai 100 dinar dan sekian banyak minyak zafran ini menyamai 100 dinar. Maka unta dan minyak zafran mempunyai persamaan pada ukuran yang sama maka keduanya mempunyai nilai yang sama.⁵

Jual beli menyebabkan permintaan kepada kewujudan wang. Seseorang yang ingin membeli makanan dengan baju. Bagaimanakah dia mengetahui ukuran nilai yang makanan yang sesuai dengan baju? Berapakah nilainya? Jual beli terjadi di antara barangan yang berbeza jenis seperti baju dijual dengan makanan dan haiwan dijual dengan baju. Barang-barang begini tidak mempunyai nilai yang sama. Maka diperlukan hakim yang adil di antara kedua pihak yang akan menentukan kedua barangan dan menuntut keadilan daripada jenis harta. Kemudian diperlukan harta yang tahan lama kerana keperluan ke atasnya akan berterusan. Jenis harta yang tahan lama ialah logam maka diperbuat wang daripada emas, perak dan tembaga.⁶

Ibn Rusyd menerangkan terdapat kesukaran untuk menentukan nilai persamaan terhadap barang-barang yang berbeza. Maka dijadikan dinar dan dirham untuk mengukurnya iaitu menentu nilai barangan. Apabila barangan itu berbeza jenis iaitu bukan daripada jenis timbangan atau berat maka cara yang terbaik ialah dengan wujud pengukur yang menentukan nilai bagi kedua barangan.⁷

³ Ibn Taymīyah, Ahmad bin ‘Abd al-Halīm. Majmū‘ah al-Fatāwā. Madinah: Majma‘ al-Malik Fahd li Ṭibā‘ah al-Muṣḥaf al-Syarīf. 1995. 19:251.

⁴ Ahmad Hasan. al-Awrāq al-Naqdiyyah fī al-Iqtisād al-Islāmī: Qīmatuhā wa Ahkāmuhā. Damsyik: Dār al-Fikr. 2002. 36..

⁵ Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazāl. Ihya‘ ‘Ulūm al-Dīn. Beirut: Dār al-Ma‘rifah. T.t. 4:91.

⁶ *Ibid.*, 3:228

⁷ Muḥammad bin Ahmad Ibn Rusyd al-Qurtubī. Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid. Kaherah: Dār al-Hadīth. 2004. 3:151.

Alat Pertukaran (*Medium of Exchange*)

Peranan wang sebagai pengukur nilai amat berkait rapat dengan peranan wang sebagai alat pertukaran dalam urusan jual beli. Ibn Taymīyah menjelaskan dirham dan dinar berfungsi sebagai pengukur nilai dalam jual beli dan sebagai harga atau alat pertukaran. Kewujudan dirham dan dinar bukan untuk mengambil manfaat terhadap logam tersebut tetapi ia di anggap sebagai alat pertukaran dalam jual beli atau harga (*thaman*).⁸

Ibn ‘Arabī menegaskan tindakan memecahkan dinar dan dirham adalah dosa besar kerana ia menjadi alat perantaraan dalam menentu nilai sesuatu barangan kuantiti barangan dalam nilai yang diperlukan. Sesetengah ulama menyatakan dinar dan dirham seperti hakim di antara harta-harta ketika berlaku perbezaan dari segi nilai dan kuantiti. Sesiapa yang menyimpan dinar dan dirham maka dia menyekatnya daripada transaksi dengan orang ramai. Dinar dan dirham jika di dalam bentuk yang asal maka ia akan memberi manfaat. Namun jika ia dipecahkan maka ia bagaikan komoditi dan hilang manfaatnya. Perkara ini memudaratkan orang ramai dan dan haram memecahkan dinar dan dirham.⁹

Ibn Qayyim menyebutkan wang ialah pengukur standard bagi harga barangan komoditi dan mempunyai kekuatan tersendiri daripada dipengaruhi faktor turun naik harga wang. Dirham dan dinar adalah harga komoditi. Harga adalah ukuran yang dikenal untuk mengukur harta maka ia wajib bersifat spesifik dan tepat, tidak naik, tidak turun. Sekiranya kadar harga naik dan turun seperti komoditi maka kita tidak mempunyai ukuran untuk menentukan harga barangan bahkan semuanya menjadi komoditi.¹⁰

Alat Penyimpan Nilai

Wang juga digunakan sebagai alat penyimpan nilai kerana ia tahan lama. Pandangan ini dikemukakan oleh al-Ghazālī dan Ibnu Khaldūn. Menurut al-Ghazālī, manusia memerlukan harta yang tahan lama kerana keperluan ke atasnya akan berterusan. Maka benda yang tahan lama ialah logam. Oleh sebab itu, logam yang tahan lama seperti emas, perak dan tembaga dijadikan wang.¹¹ Ibn Khaldūn menjelaskan Allah menjadikan logam emas dan perak sebagai nilai bagi setiap benda yang mempunyai nilai. Kedua logam ini juga menyimpan nilai berdasarkan pandangan ahli ilmu.¹²

Walaubagaimanapun, konsep wang sebagai penyimpan nilai mungkin terhad kepada emas dan perak kerana kedua logam ini mempunyai nilai instrinsik tersendiri. Sedangkan wang masa kini berasaskan konsep wang fiat tidak mempunyai nilai instrinsik bahkan nilai sesuatu wang hanya ditentukan oleh pemerintah negara.

KONSEP WANG DALAM ISLAM

Wang Tidak Terhad Kepada Emas dan Perak

Wang dipengaruhi faktor uruf setempat tanpa dihadkan kepada dinar dan dirham. ‘Umar al-Khaṭṭāb r.a. pernah berhasrat membuat duit dirham daripada kulit unta namun ada orang yang

⁸ Ibn Taymīyah, Majmū‘ah al-Fatāwā. 19:251.

⁹ Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin al-‘Arabī, Ahkām al-Qur’ān. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 2003. 3:23.

¹⁰ Muḥammad bin Abī Bakr Ibn Qayyīm al-Jawziyyah, I‘lām al-Muwaqqi‘īn, Ed. Muḥammad Abd al-Salām Ibrāhīm. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1991. 2:105.

¹¹ al-Ghazālī. Ihya’ ‘Ulūm al-Dīn. 3:228.

¹² ‘Abd Rahman bin Muhammad Ibn Khaldūn. Muqaddimah Ibn Khaldūn. Damsyik: Dār Ya‘rab. 2004. 2:66.

membantah kerana ia akan menyebabkan semua unta disembelih. Maka ‘Umar membatalkan hasratnya. Ini menunjukkan kulit unta juga boleh berfungsi sebagai wang.¹³

Imam Mālik bin Anas menjelaskan jika orang ramai menjadikan kulit (binatang) sebagai *sakkah* (kepingan matawang) dan ‘*ayn* (bentuk wang emas) maka beliau mengatakan membenci kulit tersebut dijual dengan emas dan perak secara *naẓirah* (bertanggung).¹⁴ Beliau benci (*karh*) jual beli kulit binatang yang dijadikan matawang dengan emas dan perak secara bertanggung. Kedudukan makruh dalam mazhab Imam Mālik membawa maksud haram kerana beliau dan ulama-ulama salaf bersikap warak daripada menggunakan istilah haram.¹⁵

Kulit-kulit binatang ini apabila berfungsi sebagai wang maka ia tidak dibenarkan jual beli secara bertanggung. Ini menunjukkan bahawa wang tidak terhada kepada emas dan perak sahaja bahkan komoditi atau barangan lain boleh dijadikan wang dalam urusan jual beli. Namun ia juga perlu menepati syarat iaitu ia dikeluarkan oleh pihak pemerintah dan diperakui sebagai wang dan diterima pakai dengan baik oleh masyarakat.

Wang Tertakluk kepada Hukum *al-Ṣarf*

Peranan utama wang dalam masyarakat Islam ialah sebagai alat pertukaran. Wang tidak dianggap sebagai sumber pendapatan atau menghasilkan pulangan dengan wang. Sumber pendapatan bagi individu dan institusi ialah melalui penjualan barangan atau perkhidamatan yang sebenar dalam sektor pengeluaran dan pertukaran. Wang tidak dianggap sebagai komoditi yang boleh dijual dan dibeli tanpa sebarang garis panduan.¹⁶

Islam tidak menegah jual beli wang tetapi meletakkan garis panduan tertentu yang dapat menghindarkan kemudarat dan memberi kemudarat (*ḍarār wa idrār*) dalam jual beli matawang. Dengan itu, tidak dibenarkan jual beli matawang sama jenis kecuali dengan *tamāthul* dan *yadan bi yadin*. Tidak dibenarkan jual beli emas dengan emas atau jual beli perak dengan perak kecuali *tamāthul* dan *yadan bi yadin*. Apabila berbeza jenis seperti jual beli emas dengan perak atau wang kertas dengan wang kertas negara lain maka disyaratkan *taqābud* dalam majlis akad. Hukum ini bertujuan untuk menyempitkan skop jual beli matawang kerana ia tidak dijadikan seperti komoditi untuk dijual beli. Emas dan perak dijadikan sebagai pengukur nilai komoditi dan memudahkan urusan jual beli.¹⁷

Wang Tertakluk Pada Zakat

Harta adalah milik Allah taala yang diberikan kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi. Manusia perlu menggunakan harta yang diperolehi mengikut syariah yang ditetapkan. Setiap harta yang dimiliki oleh manusia terdapat bahagian milik orang lain yang perlu disalurkan kepada orang miskin dan mereka yang memerlukan. Wang perlu dikeluarkan zakat apabila mencukupi *ḥawl* dan *niṣāb* yang telah ditetapkan. Wang zakat itu akan disalurkan kepada asnaf zakat yang ditetapkan. Allah taala memberi peringatan kepada golongan yang menyimpan wang tetapi tidak mengeluarkan zakat bahawa mereka akan diseksa dengan azab yang pedih. Allah taala berfirman:

¹³ Aḥmad Hasan, *al-Awrāq al-Naqdiyyah*, 36.

¹⁴ Mālik bin Anas bin Mālik. *al-Mudawwanah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1994. 3:5.

¹⁵ Ibn Qayyīm. *I‘lām al-Muwaqqi‘īn*. 1:34.

¹⁶ Muḥammad ‘Alī al-Qurī. *Muqaddimah al-Nuqūd wa al-Bunūk, ma‘a Tatbīqāt ‘alā al-Mamlakah al-‘Arabīyah al-Sa‘ūdīyah wa ‘Ināyah bi al-Mafāhim al-Islāmīyah*. Jeddah: Maktabah Dār Jiddah li al-Nasyr. 1996. 125.

¹⁷ ‘Abd Allāh bin Sulaymān al-Manī. “*Baḥth fi al-Awrāq al-Naqdiyyah - Ḥaqīqatuhā wa Ḥukmuhā*”. *Buḥūth fi al-Iqtisād al-Islāmī*. Beirut: Maktabah al-Islāmī. 1996. 192.



Terjemahan: Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(al-Tawbah 9:34)

Perkataan *yaknizūn* di dalam ayat di atas bermaksud golongan yang menyimpan emas dan perak. Menurut Imam Mālik daripada Ibn ‘Umar, *kanz* ialah harta yang tidak dikeluarkan zakat. Dengan itu, maksud *yaknizūn* dalam ayat ini merujuk kepada golongan yang mencari harta serta menyimpannya di rumah mereka. Tetapi mereka tidak mengeluarkan zakat yang wajib ke atas harta yang mereka simpan. Mereka ini akan dibalas dengan siksaan yang amat pedih.¹⁸

Ayat ini tidak bermaksud manusia diharamkan menyimpan harta tetapi menyimpan harta menjadi haram jika tidak mengeluarkan zakat yang wajib ke atasnya. Apabila mengeluarkan harta bagi harta yang disimpan maka ia bukan lagi menjadi haram. Imam al-Thawrī dan Imam al-Syāfi‘i dan ulama lain meriwayatkan daripada Ibn ‘Umar bahawa beliau berkata: harta yang dikeluarkan zakat tidak dianggap sebagai *kanz*. Walaupun harta itu disimpan sebanyak 7 buah bumi. Harta yang nampak secara nyata tetapi tidak dikeluarkan zakat maka ia adalah *kanz*. Pandangan ini diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar, Ibn ‘Abbās, Jābir dan Abū Hurayrah secara *mawqūf* dan *marfū‘*.¹⁹

Wang Diterbitkan oleh Negara

Hak menerbitkan wang adalah pada pemerintah negara sahaja sebagaimana disebutkan oleh Ibn Khaldūn bahawa penerbitan wang adalah tanggung jawab yang penting bagi pemerintah.²⁰ Pemerintah negara perlu memberikan tugas ini kepada organisasi khas untuk membezakan wang betul dan wang palsu dalam jual beli. Wang itu perlu dicop dengan cop mohor sultan yang dikenali ramai. Wang tersebut perlu diterbitkan berdasar ukuran dan berat yang khusus supaya ia senang diguna dalam jual beli sebagai pada zaman khalifah ‘Abd al-Mālik bin Marwān. Tidak dibenarkan golongan yang bukan memerintah menerbitkan wang kerana ia akan menimbulkan fitnah. Pemerintah boleh menghukum *ta‘zir* mereka yang menerbitkan wang tanpa kebenaran.

Ulama menegaskan wang hanya perlu diterbitkankan oleh negara sahaja bagi menjaga penawaran wang bersesuaian dengan permintaan dan mengelak daripada berlaku inflasi.²¹ Ulama menegah terbitan wang selain daripada pemerintah semasa ketiadaan wujud undang-undang yang menetapkan terbitan wang hanya daripada pemerintah sahaja. Tegahan ini juga supaya tidak berlaku penipuan dan pemalsuan terhadap penerbitan wang. Dengan itu, ulama menegah penerbitan wang daripada aspek *sadd al-zarī‘ah*. Sekiranya undang-undang khas telah digubal

¹⁸ Wahbah bin Muṣṭafā al-Zuhaylī. al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Syarī‘ah wa al-Manhaj. Damsyik: Dār al-Fikr al-Mu‘āsir. 1998. 10:192.

¹⁹ al-Zuhaylī, *Ibid*.

²⁰ Ibn Khaldūn. Muqaddimah Ibn Khaldūn. 1:448.

²¹ Syawqī Aḥmad Dunyā, “Taḳallub al-Qūwwah al-Syirā’iyah wa Āthar Zālik ‘Alā al-I’timān al-Iqtisādī wa al-Ijtimā’i: Taḥlīl Fiqhī wa Iqtisādī.” Muslim al-Mu‘āsir. Bil. 41. 1985. 49-78.

namun masih terdapat usaha penipuan dalam wang maka ia dianggap telah melakukan perkara yang diharamkan.²²

Imam Ahmad menjelaskan tidak dibenarkan menempa dirham kecuali dalam negara tersebut dan dengan keizinan sultan. Jika manusia dibenarkan menempa dengan sewenangnyanya maka akan berlaku musibah.²³ Manakala Imam al-Nawāwī menerangkan juga penerbitan wang adalah tanggung jawab pemerintah dan ia dapat menghindari penipuan dan kerosakan.²⁴

AL-ŞARF MENURUT PERSPEKTIF SYARIAT

Pengertian *al-Şarf*

Pengertian al-sarf dari segi bahasa ialah “*pertukaran daripada sesuatu keadaan kepada keadaan lain.*”²⁵ Dengan kata lain, perubahan daripada sesuatu bentuk kepada bentuk yang lain.

Manakala pengertian *al-şarf* dari segi istilah ialah “*jual beli mata wang dengan mata wang samada sama jenis atau berbeza jenis.*”²⁶ Ini adalah pandangan majoriti mazhab terdiri daripada mazhab Syafie, Hanafi dan Hanbali. Contoh jual beli yang sama jenis seperti emas dengan emas dan perak dengan perak. Manakala jual beli berbeza jenis ialah emas dengan perak.

Manakala ulama mazhab Maliki dan sesetengah ulama mazhab Syafie seperti Imam al-Nawāwī, Ibn Hajar al-‘Asqalānī dan al-Subkī berpendapat *al-şarf* adalah “*jual beli wang yang berlainan jenis seperti emas dengan perak*”. Manakala *al-murāṭalah* merujuk kepada “*jual beli wang yang sama jenis seperti emas dengan emas atau perak dengan perak.*”²⁷

Ulama mazhab Maliki membahagikan pertukaran ‘*ayn*’ dengan ‘*ayn*’ kepada tiga kategori. Kategori pertama dinamakan *al-şarf* iaitu pertukaran yang melibatkan jenis yang berbeza seperti emas dengan perak. Manakala pertukaran jenis yang sama dari segi timbangan dipanggil sebagai *al-murāṭalah*. Pertukaran jenis yang sama dari segi bilangan dipanggil sebagai *al-mubādalah*.²⁸

Ulama mazhab Maliki menggunakan maksud zahir perkataan *al-şarf* iaitu “*perubahan daripada sesuatu keadaan kepada keadaan lain*” sebagai definisi *al-şarf*. Oleh itu, jual beli emas dengan emas tidak dipanggil *al-şarf* kerana ia tidak melibatkan perubahan emas kepada benda lain. Pertukaran *al-şarf* hanya berlaku dalam jual beli emas dengan perak. Manakala

²² ‘Ajil Jāsim al-Nasyīmī. “Taghayyur Qimah al-‘Umlah fī al-Fiqh al-Islāmī.” Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī. Jeddah: Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī-Munazzim al-Mu‘tamar al-Islāmī. 1988. 3:1625.

²³ Maṣṣūr bin Yūnus bin al-Buhūtī. Kaysf al-Qinā‘ ‘An Matn al-Iqnā‘. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, T.T. 2:232.

²⁴ Muḥy al-Dīn bin Syaraf al-Nawāwī. al-Majmū‘ Syarḥ Muḥadhdhab. Damsyik: Dār al-Fikr. T.t. 6:11

²⁵ Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr. Lisān al-‘Arab. Beirut: Dār al-Şādir. 1990. 9:189.

²⁶ Muḥammad Amīn Ibn ‘Ābidīn. Radd al-Muhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1992. 5:257; ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr Ibn Maṣ‘ūd al-Kāsānī. Badā’i‘ al-Şanā’i‘ ‘alā Tartīb al-Syarā’i‘. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1996. 5:215; Maṣṣūr Ibn Yūnus Ibn Idrīs al-Buhūtī. Kasyf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘. Beirut: Dār al-Fikr. 1982. 3:266; Muḥammad Ibn al-Khātib al-Syarbīnī. Muḥnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1994. 2:369.

²⁷ Muḥy al-Dīn Yaḥyā bin Syaraf al-Nawāwī. al-Minhāj Syarḥ Şaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj. Beirut: Dār Iḥyā’ Turāth al-‘Arabī. 1972. 11:9; Alī bin ‘Abd al-Kāfi al-Subkī. “Takmilah al-Subkī,” dicetak bersama Yaḥyā bin Syaraf al-Nawāwī. al-Mamū‘ Syarḥ al-Muḥadhdhab ma’a Takmilah al-Subkī wal al-Muṭī‘ī. Damsyik: Dār al-Fikr. T.t. 10:166; Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī. Faṭḥ al-Bārī Syarḥ Şaḥīḥ al-Bukhārī. Ed. ‘Abd al-Azīz bin ‘Abdullāh bin Bāz. Beirut: Dār al-Ma‘rifah. 1959. 4:382.

²⁸ Muḥammad bin Muḥammad al-Ḥaṭṭāb. Mawāhib al-Jalīl fī Syarḥ Mukhtaṣar Khalīl. Damsyik: Dār al-Fikr. 1992. 4:226.

jumhur ulama melihat definisi *al-ṣarf* berdasarkan maksud umum hadith-hadith yang menerangkan jual beli matawang. Hadith-hadith menerangkan secara umum bahawa jual beli yang sama jenis atau berbeza jenis dipanggil sebagai *al-ṣarf*.²⁹

PENSYARIATAN AL-ṢARF

Al-Quran

Al-Quran tidak menjelaskan tentang konsep *al-ṣarf* secara mendalam bahkan hanya menyentuh tentang konsep urus niaga yang dibenarkan Allah s.w.t secara umum. Urus niaga yang dibenarkan syarak mestilah bebas daripada riba seperti firman Allah s.w.t.:



Terjemahan: Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

(al-Baqārah 2:275)

Secara umum ayat ini menjelaskan Allah s.w.t menghalalkan semua urusan jual beli dan mengharamkan urus niaga yang terdapat riba. Riba yang diharamkan ialah *ribā al-nasī'ah* dan *ribā al-faḍl*. Sebarang urus niaga yang terdapat riba tidak sah dan dikutuk oleh Allah s.w.t. Jual beli yang Allah s.w.t. halalkan termasuk *al-ṣarf* yang perlu mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditentukan. Konsep *al-ṣarf* kemudian diterangkan secara panjang lebar melalui hadith-hadith Rasulullah s.a.w. yang merangkumi rukun, syarat dan situasi urus niaga *al-ṣarf*.

Hadith

Al-Quran menerangkan pengharaman riba secara ringkas dan hadith menjelaskan konsep *al-ṣarf* dengan lebih mendalam tentang riba dalam pertukaran mata wang kerana tidak semua hukum dijelaskan secara terperinci dalam Al-Quran. Rasulullah s.a.w. memberi penjelasan dan huraian sesuatu hukum dalam Al-Quran yang *mujmal*. Hadith-hadith yang membincangkan tentang *al-ṣarf* seperti berikut:

- a. Abū Sa'īd al-Khudrī meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

اِتَّيَعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تُسَفُّوا بِأَعْضَاهَا عَلَى بَعْضِ وَلَا تَبِيعُوا الْوَرَقَ بِالْوَرَقِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تُسَفُّوا بِأَعْضَاهَا عَلَى بَعْضِ وَلَا تَبِيعُوا مِنْهَا غَائِبًا بِنَاجِزٍ.³⁰

Terjemahan: Jangan kamu menukar emas dengan emas kecuali dengan sama (tamāthul) kuantiti dan jangan kamu menukar dengan kuantiti yang lebih (tafāḍul). Jangan kamu menukar perak dengan perak kecuali dengan sama

²⁹ 'Abbās Ahmad al-Bāz. Aḥkam Ṣarf al-Nuqūd wa al-'Umūlāt fī al-Fiqh al-Islāmī wa Taṭbīqātuh al-Mu'āṣirah. Amman: Dār al-Nafā'is. 1999. 26-27.

³⁰ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū', Bāb Bay' al-Fiḍḍah bi al-Fiḍḍah no. hadith 2177 dan Muslim, Kitāb al-Musāqah, Bāb al-Ribā, no. hadith 1584. Lihat al-Bukhārī. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. 3:74 dan Muslim. Ṣaḥīḥ Muslim. 3:1208.

(*tamāthul*) kuantiti dan jangan menukar dengan kuantiti yang lebih (*tafāḍul*). Jangan kamu menukar barangan yang bertanggung (*ghā'iban*) dengan barang yang hadir (*nājiz*).”

- b. Abū Bakrah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ إِلَّا سَوَاءً بِسَوَاءٍ وَبِالْفِضَّةِ بِالْفِضَّةِ إِلَّا سَوَاءً بِسَوَاءٍ وَيَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالْفِضَّةِ وَالْفِضَّةَ بِالذَّهَبِ
كَتِفَ شَيْءٍ³¹

Terjemahan: Jangan kamu menukar emas dengan emas kecuali dengan sama kuantiti, jangan kamu menukar perak dengan perak kecuali dengan sama kuantiti. Tukarlah emas dan perak mengikut kamu suka (tanpa perlu sama kuantiti).

- c. ‘Ubādah Ibn al-Šāmit r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُّ بِالْبِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالنَّمْرُ بِالنَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ
مِلًّا سَوَاءً بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَيَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ.³²

“Terjemahan: (Tukarlah) emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam dengan sama kuantiti dan tangan dengan tangan (qabḍ). Apabila berlainan jenis maka tukarlah mengikut yang kamu suka apabila ia dilakukan dengan tangan dengan tangan (qabḍ).”

Hadith-hadith ini menerangkan pertukaran emas dengan emas atau perak perlu sama kuantiti dan tidak boleh ada *tafāḍul* (berlebihan) dan perlu *taqābuḍ* (saling melakukan *qabḍ*). Pertukaran emas dengan perak dibenarkan *tafāḍul* iaitu berlainan kuantiti dan perlu *taqābuḍ* (saling melakukan *qabḍ*). Rasulullah s.a.w. membawa contoh riba seperti menukar sekeping duit dinar dengan dua keping duit dinar. Wujud unsur *tafāḍul* di dalam pertukaran dan ia adalah riba yang diharamkan syarak.

Ijmak

Ijmak ulama mazhab Maliki, Hanafi, Syafie dan Hanbali tentang pensyariatan *al-šarf*. Ibn Rusyd menyebut ijmak ulama tentang jual beli emas dengan emas dan perak dengan perak perlu *tamāthul* (sama kuantiti) dan serahan secara tunai (bersegera).³³

³¹ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Bay‘ al-Dhahab bi al-Dhahab, no. hadith 2175. Lihat al-Bukhārī. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. 3:74.

³² Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Musāqah, Bāb al-Šarf wa Bay‘ al-Dhahab bi al-Wariq Naqdan, no. hadith 1587. Lihat Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim, 3:1211.

³³ Ibn Rusyd, Bidāyah al-Mujtahid, 3:211.

RUKUN AL-ŞARF

Al-şarf termasuk dalam kategori jual beli dan tertakluk kepada rukun jual beli yang ditetapkan. Akad *al-şarf* yang tidak memenuhi rukun adalah *fāsid* atau batal di sisi syarak.³⁴ Rukun jual beli terdiri daripada tiga rukun iaitu *ṣīghah*, *‘āqidān* dan *ma‘qūd ‘alayh*.³⁵ *Ṣīghah* ialah lafaz semasa akad, *‘āqidān* ialah penjual dan pembeli manakala *ma‘qūd ‘alayh* ialah barangan dan harga yang digunakan dalam urusan niaga.

SYARAT AL-ŞARF

Islam telah meletakkan syarat-syarat tertentu pada *al-şarf* kerana ia merupakan akad jual beli yang amat hampir dengan *riba*.³⁶ Syarat-syarat *al-şarf* ini diambil daripada hadith-hadith Nabi s.a.w. berkaitan pertukaran emas dan perak. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi seperti berikut:

Tamāthul Kuantiti Bagi Pertukaran Bersamaan Jenis

Pertukaran mata wang yang sama jenis (emas dengan emas atau perak dengan perak) memerlukan persamaan (*tamāthul*) kuantiti. Lebihan kuantiti (*faḍl*) yang wujud dalam jual beli ialah *riba al-faḍl* yang diharamkan syarak.³⁷ Abū Sa‘īd al-Khudrī r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تُسِفُوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ وَلَا تَبِيعُوا الْوَرِقَ بِالْوَرِقِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تُسِفُوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ وَلَا تَبِيعُوا مِنْهَا غَالِيًا بِنَاجِزٍ.³⁸

Terjemahan: Jangan kamu menukar emas dengan emas kecuali dengan sama kuantiti dan jangan kamu menukar dengan kuantiti yang lebih. Jangan kamu menukar perak dengan perak kecuali dengan sama kuantiti dan jangan menukar dengan kuantiti yang lebih. Jangan kamu menukar barangan yang ada dengan barangan yang tiada.

³⁴ Kontrak bagi jumhur fuqaha' (mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali) terdiri daripada dua jenis iaitu kontrak sahih dan tidak sahih. Kontrak yang sahih ialah kontrak yang mencukupi syaratnya. Manakala kontrak yang tidak sahih ialah kontrak yang cacat salah satu rukun atau syaratnya. Menurut majoriti fuqaha', kontrak batal atau fasid membawa maksud yang sama iaitu kontrak yang tidak sahih. Berbeza dengan mazhab Ḥanafī, mereka membahagikan kontrak kepada tiga iaitu kontrak yang sahih, batal dan fasid. Menurut mazhab ini, kontrak yang batal ialah berlaku kecacatan pada salah satu rukun atau subjek akad. Manakala kontrak yang fasid ialah kontrak yang disyariatkan asalnya (rukun) tetapi tidak disyariatkan sifatnya. Sila rujuk Wahbah al-Zuhayli. *Fiqh & Perundangan Islam*. Terj. Md. Akhir Haji Yaacob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1995. 4:440-443.

³⁵ Maṣṣūr bin Yūnus bin al-Buhūfī. *Kaysf al-Qinā' ‘an Matn al-Iqnā'*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. T.t. 3:146, al-Syarbīnī. *Mughnī al-Muḥtāj*. 2:323.

³⁶ al-Bāz. *Aḥkam Ṣarf al-Nuqūd*. 41.

³⁷ Ibn ‘Ābidīn. *Radd al-Muḥtār*. 5:257; al-Buhūfī. *Kasysyāf al-Qinā'*. 3:254; ‘al-Syarbīnī. *Mughnī al-Muḥtāj*. 2:369,

³⁸ Riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-Buyū'*, Bāb Bay' al-Fiddah bi al-Fiddah no. hadith 2177 dan Muslim, *Kitāb al-Musāqah*, Bāb al-Ribā, no. hadith 1584. Lihat al-Bukhārī. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. 3:74 dan Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. 3:1208.

Rasulullah s.a.w. menerangkan bahawa pertukaran emas dengan emas atau perak dengan perak perlu *tamāthul* atau sama kuantiti dan tidak boleh lebih kuantiti semasa pertukaran. Ini menunjukkan setiap pertukaran barangan ribawi yang sama jenis perlu *tamāthul* dari segi kuantiti.

al-Būhūtī menerangkan *tamāthul* menurut perspektif syariah ialah persamaan pada sukatan dan berat. *Tamāthul* pada barangan ribawi yang disukat ialah melalui sukatan dan *tamāthul* pada barangan ribawi yang ditimbang ialah berat.³⁹ Jual beli sekeping emas dengan dua keping emas tidak dibenarkan kerana wujud unsur *riba al-faḍl* dalam pertukaran kerana wujud unsur riba yang diharamkan. *Tafāḍul* hanya dibenarkan bagi pertukaran barangan ribawi yang tidak sama jenis seperti pertukaran emas dengan perak.⁴⁰ ‘Uthmān Ibn ‘Affān r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا تَبِيعُوا الدِّينَارَ بِدَيْنَارَيْنِ وَلَا الدِّرْهَمَ بِدِرْهَمَيْنِ.⁴¹

Terjemahan: Jangan kamu menukar sekeping dinar dengan dua keping dinar dan jangan kamu menukar sekeping dirham dengan dua keping dirham.

Hadith ini menerangkan Nabi s.a.w. melarang pertukaran sekeping dinar dengan dua keping dinar atau sekeping dirham dengan dua keping dirham kerana wujud unsur *tafāḍul* dalam pertukaran yang sama jenis. Unsur *tafāḍul* dalam pertukaran ini membawa kepada riba *al-faḍl*. Ulama telah ijmak bahawa tidak dibenarkan jual beli barangan riba yang sama jenis (emas dengan emas atau perak dengan perak) dengan salah satunya bertangguh dan *tafāḍul*.⁴²

***Qabḍ* Sebelum Berpisah**

Setiap pertukaran barangan ribawi yang sama jenis atau beza jenis perlu *qabḍ* dalam majlis jual beli. Kedua penjual dan pembeli perlu *qabḍ* kedua-dua wang yang ditukarkan sebelum berpisah.⁴³ al-Subkī menerangkan haram berpisah sebelum *taqābuḍ* kerana ia akan menimbulkan *ribā al-yad*.⁴⁴ Ubādah Ibn al-Ṣāmit r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالنَّمْرُ بِالنَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلًا بِمِثْلٍ سَوَاءٌ بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَا يَدًا بِيَدٍ.⁴⁵

Terjemahan: Tukarlah emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam dengan persamaan kuantiti dan tangan ke tangan (penyerahan pada

³⁹ ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah. al-Mughnī li Ibn al-Qudāmah. Kaherah: Maktabah al-Qāhirah. 1968. 4:6.

⁴⁰ al-Kāsānī. Badā’i’ al-Ṣanā’i’. 5:156.

⁴¹ Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Musāqah, Bāb al-Ribā, no. hadith 1558. Lihat Muslim. Ṣaḥīḥ Muslim. 3:1209.

⁴² al-Nawāwī. Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim. 11:9.

⁴³ al-Kāsānī. Badā’i’ al-Ṣanā’i’. 5:215; al-Buhūtī. Kasysyāf al-Qinā’. 3:266; Ibn ‘Ābidīn. Radd al-Muhtār. 5:258.

⁴⁴ al-Subkī, “Takmilah al-Subkī,” 10:69.

⁴⁵ Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Musāqah, Bāb al-Ṣarf wa Bay’ al-Dhahab bi al-Wariq Naqdan, no. hadith 1587. Lihat Muslim. Ṣaḥīḥ Muslim. 3:1211.

waktu yang sama). Apabila berlainan barangan yang ditukar maka tukarlah mengikut yang kamu suka dengan syarat serahan pada waktu yang sama.

Ibn Hajar al-‘Asqalānī menerangkan maksud lafaz “*yadan bi yadin*” atau tangan ke tangan ialah “*muqāyadah fī al-majlis*” iaitu saling *qabḍ* di dalam majlis jual beli. Pendapat lain “*yadan bi yadin*” bermaksud ambil dan serah.⁴⁶ Secara kesimpulannya “*yadan bi yadin*” bermaksud *taqābuḍ* iaitu setiap pertukaran barangan ribawi yang sama jenis atau berlainan jenis perlu *qabḍ* di dalam majlis akad. Hadith lain diriwayatkan oleh Abū Sa‘īd al-Khudrī bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

اَتَّبِعُوا الذَّهَبَ يَلْذَهَبُ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تُشْفُوا بِعُضَاهَا عَلَى بَعْضٍ وَلَا تَبْعُوا الْوَرَقَ يَلُورِقُ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تُشْفُوا بِعُضَاهَا عَلَى بَعْضٍ وَلَا تَبْعُوا مِنْهَا غَالِيًا بِنَاجِزٍ.⁴⁷

Terjemahan: Jangan kamu menukar emas dengan emas kecuali dengan sama kuantiti dan jangan kamu menukar dengan kuantiti yang lebih. Jangan kamu menukar perak dengan perak kecuali dengan sama kuantiti dan jangan menukar dengan kuantiti yang lebih. Jangan kamu menukar barangan yang ada dengan barangan yang tiada.

Hadith ini menerangkan Rasulullah s.a.w. melarang *tafāḍul* dalam jual beli barangan ribawi yang sama jenis seperti emas dengan emas atau perak dengan perak. Ibn Hajar al-‘Asqalānī menerangkan “*ghā’iban*” bermaksud keadaan barangan itu bertanggung untuk diserahkan makakala “*nājiz*” ialah barangan itu ada di dalam majlis jual beli.⁴⁸ Rasulullah s.a.w. juga melarang menukar barangan ribawi sama jenis yang bertanggung dengan yang hadir di dalam majlis jual beli iaitu *taqābuḍ* tidak berlaku. Hadith ini menunjukkan *qabḍ* adalah syarat dalam *al-ṣarf*. Hadith lain diriwayatkan oleh ‘Umar al-Khattāb r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

الْوَرَقُ يَلْذَهَبُ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ وَالْبُّ يَلْبُّ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ وَالشُّ عِيرٌ يَلْشُّ.....عِيرٌ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ وَالنَّمْرُ يَلْتَمُرُ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ.⁴⁹

Terjemahan: Menukar perak dengan emas adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar gandum dengan gandum adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar barli dengan barli adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar kurma dengan kurma adalah riba kecuali penyerahan pada waktu yang sama.

Rasulullah s.a.w. menerangkan pertukaran barangan ribawi seperti emas dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli dan kurma dengan kurma perlu diserahkan atau *qabḍ* kedua-duanya pada waktu yang sama. Ijmak ulama bahawa *qabḍ* dalam *al-ṣarf* sebelum berpisah daripada majlis akad. Sekiranya kedua-dua pihak berpisah tanpa *qabḍ* maka urus

⁴⁶ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 4:378.

⁴⁷ Riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-Buyū‘*, Bāb Bay‘ al-Fiddah bi al-Fiddah no. hadith 2177 dan Muslim, *Kitāb al-Musāqah*, Bāb al-Riba, no. hadith 1584. Lihat al-Bukhārī. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. 3:74 dan Muslim. Ṣaḥīḥ Muslim. 3:1208.

⁴⁸ Ibn Hajar al-‘Asqalānī. *Fath al-Bārī*. 4:380.

⁴⁹ Hadith riwayat Muslim, *Kitāb al-Musāqah*, Bāb al-Ṣarf wa Bay‘ al-Dhahab bi al-Wariq Naqdan, no. Hadith 1586, Lihat Muslim. Ṣaḥīḥ Muslim. 3:1209.

niaga yang dilakukan tidak sah. *Qabḍ* perlu dilakukan dalam jual beli barangan riba samada yang sama jenis (emas dengan emas) atau berbeza jenis (emas dengan perak).

Ulama menjelaskan "*qabḍ sebelum berpisah*" ialah berpisah badan kedua penjual dan pembeli daripada majlis jual beli iaitu penjual dan pembeli berjalan ke arah lain yang bertentangan atau pembeli berlalu keluar dan penjual masih berada di dalam majlis. Namun jika penjual dan pembeli tidak keluar daripada majlis jual beli maka ia tidak dinamakan sebagai berpisah badan. Contoh seperti kedua-duanya tidur atau pengsan di dalam majlis jual beli, berjalan bersama menuju satu arah sejauh satu kilometer dan kedua-dua penjual dan pembeli tidak berpisah atau keluar daripada majlis jual beli.⁵⁰

Jika majlis jual beli mengambil masa yang lama dan penjual dan pembeli *qabḍ* kedua matawang maka jual beli itu sah. Jual beli *al-ṣarf* juga sah walaupun penjual dan pembeli berjalan bersama-sama ke arah sebuah rumah dan *qabḍ* sebelum berpisah. Majlis jual beli masih tetap berlangsung selagi penjual dan pembeli tidak berpisah.

Sekiranya penjual pembeli hanya *qabḍ* sebahagian wang dan berpisah sebelum *qabḍ* baki wang maka jual beli ini hanya sah bagi wang yang di*qabḍ* sahaja manakala jual beli wang yang belum di*qabḍ* adalah batal kerana tidak memenuhi syarat *al-ṣarf*. *Qabḍ* yang dilakukan oleh wakil bagi penjual dan pembeli juga sah kerana kerana perbuatan *wakīl* adalah mewakili *muwakkil*.⁵¹

Rasulullah s.a.w. juga melarang pertukaran barangan yang ada di dalam majlis jual beli dengan dengan barangan *ma'dūm* kerana *qabḍ* tidak boleh dilakukan. Pertukaran yang tiada *qabḍ* adalah haram dan tidak sah. Perkara ini disebut oleh Rasulullah s.a.w.:

الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالنَّمْرُ بِالنَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلًا بِمِثْلٍ سَوَاءٌ بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ
فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَيُعَوَّكِفُ شَيْءٌ ثُمَّ إِذَا كَانَا ۖ يَدًا بِيَدٍ.⁵²

Terjemahan: Tukarlah emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam dengan persamaan kuantiti dan tangan ke tangan (penyerahan pada waktu yang sama). Apabila berlainan barangan yang ditukar maka tukarlah mengikut yang kamu suka dengan syarat serahan pada waktu yang sama.

Hadith ini menerangkan barangan ribawi yang sama jenis perlu kepada *tamāthul* kuantiti dan *qabḍ*. Manakala yang barangan ribawi yang berbeza jenis dibenarkan *tafāḍul* tetapi perlu *qabḍ* dalam jual beli yang dilakukan.

Menurut al-Nawāwī, wajib *taqābuḍ* semasa jual beli barangan riba yang berkongsi 'illah sama ada barangan ribawi itu sama jenis atau berbeza jenis. Ibn Munzir menjelaskan sejauh yang beliau ketahui daripada ulama-ulama bahawa ijmak ulama tidak sah penjual dan pembeli dalam *al-ṣarf* berpisah tanpa *qabḍ*.⁵³ Ini menunjukkan ijmak ulama tentang keperluan *qabḍ* dalam *al-ṣarf*.

Mazhab Hanafi, Hanbali dan Syafie berpendapat tidak batal jual beli walaupun *qabḍ* mengambil masa yang lama. Dengan itu, syarat *taqābuḍ* perlu dilakukan sebelum penjual dan pembeli berpisah.⁵⁴ Hujah mereka seperti berikut:

⁵⁰ al-Kāsānī. Badā'i' al-Ṣanā'i'. 5:215;

⁵¹ al-Buhūṭī. Kasysyāf al-Qinā'. 3:266

⁵² Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Musāqah, Bāb al-Ṣarf wa Bay' al-Dhahab bi al-Wariq Naqdān, no. hadith 1587. Lihat Muslim. Ṣaḥīḥ Muslim. 3:1211.

⁵³ al-Nawāwī. Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim. 11:9.

⁵⁴ al-Buhūṭī. Kasysyāf al-Qinā'. 3:266; al-Kāsānī. Badā'i' al-Ṣanā'i'. 5:215; al-Subkī, "Takmilah al-Subkī," 10:89; Ibn Hajar. Faṭḥ al-Bārī. 4:378.

عَنْ مَالِكِ بْنِ أَوْسٍ، أَحَبُّهُ أَنْهُ التَّمَسَّ صَرَفًا بِإِيَّةِ دِينَارٍ، فَدَعَانِ طَلْحَةَ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ، فَنَاقَضَنَا حَتَّى اصْطَرَفَ مِنْهُ، فَأَخَذَ الذَّهَبَ يَتْلُبُهَا فِي يَدِهِ، ثُمَّ قَالَ: حَتَّى يَنْتَ خَازِنُ مِنَ الْعَابَةِ، وَعُمَرُ يَسْمَعُ ذَلِكَ فَقَالَ: وَاللَّهِ لَا تُفَارِقُهُ حَتَّى تَخُذَ مِنْهُ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الذَّهَبُ يَلْذَهُبُ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ، وَالْبُيُوتُ يَلْبُغُ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ، وَالشَّعِيرُ يَلْشَعِيرُ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ، وَالنَّمْرُ يَلْتَمِرُ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ.⁵⁵

Terjemahan: Daripada Malik bin Aws, diriwayatkan bahawa dia mencari pertukaran untuk seratus dirham. Maka Talhah bin 'Ubayd Allāh memanggilku. Kemudian kami saling mengemukakan harga sehingga dia membeli daripadaku. Kemudian dia mengambil emas sebagai ganti pembayarannya dan berkata: "Hingga penyimpan gudang aku datang daripada kawasan hutan (tepi bandar)." 'Umar mendengar perkataan itu lalu berkata: Demi Allah, janganlah kamu berpisah dengan dia sehingga kamu ambil bayaran daripadanya karena Rasulullah s.a.w. bersabda: Jual beli emas dengan emas adalah riba kecuali (salah seorang berkata) "ambil ini" dan (seorang lagi berkata) "ambil ini." (Pertukaran) barli dengan barli adalah riba kecuali (salah seorang berkata) "ambil ini" dan (seorang lagi berkata) "ambil ini." (Pertukaran) gandum dengan gandum adalah riba kecuali (salah seorang berkata) "ambil ini" dan (seorang lagi berkata) "ambil ini." (Pertukaran) kurma dengan kurma adalah riba kecuali (salah seorang berkata) "ambil ini" dan (seorang lagi berkata) "ambil ini."

Berdasarkan hadith ini, "Umar menyebut "Demi Allah, janganlah kamu berpisah dengan dia sehingga kamu ambil bayaran daripadanya" kerana Rasulullah melarang pertukaran barangan ribawi tanpa *qabḍ*. Ini menunjukkan *qabḍ* perlu di lakukan dalam majlis jual beli dan tidak disyaratkan bersegera melakukan *qabḍ*. al-Buhūṭī menerangkan *taqābuḍ* dalam jual beli *al-ṣarf* sama seperti *khiyār majlis* dalam jual beli iaitu kedua-dua pihak tidak berpisah sebelum melakukan *qabḍ*.⁵⁶

Manakala mazhab Maliki berpendapat *qabḍ* mesti dilakukan selepas majlis jual beli dengan segera (*fawriyyah*). Sebarang kelewatan dalam *qabḍ* menyebabkan urusan niaga yang dilakukan tidak sah. Dengan itu, tidak sah jual beli di antara penjual dan pembeli yang berjalan bersama-sama semasa majlis jual beli tanpa melakukan *qabḍ*.⁵⁷

Tiada Bertanggung

Pertukaran dalam jual beli *al-ṣarf* tidak boleh secara bertanggung kerana tidak berlaku *qabḍ* sebagaimana syarat dalam *al-ṣarf*. Jual beli secara bertanggung menyebabkan kontrak *al-ṣarf*

⁵⁵ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū', Bāb Bay' al-Sya'ir bi al-Sya'ir, no. hadith 2174. Lihat al-Bukhārī. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. 3:74

⁵⁶ al-Buhūṭī. Kasysyāf al-Qinā'. 3:266; al-Kāsānī. Badā'i' al-Ṣanā'i'. 5:215;

⁵⁷ 'Ulaysy. Syarḥ Manh al-Jalīl. 4:494. Muḥammad bin Muḥammad al-Haṭṭāb. Mawāhib al-Jalīl fī Syarḥ Mukhtaṣar Khalīl. Damsyik: Dār al-Fikr. 1992. 4:304; Ibn Ḥajar. Faṭḥ al-Bārī. 4:378.

tidak sah kerana mengandungi unsur riba.⁵⁸ Jika penjual berjanji dengan pembeli untuk menyerahkan dua dirham kepada pembeli dalam masa seminggu maka urus niaga ini batal kerana wujud *ribā al-nasī'ah* dalam kontrak sedangkan *qabd* perlu dilakukan dengan segera. Hadith diriwayatkan oleh Abū Sa'īd al-Khudrī bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ إِلَّا بِذَهَبٍ وَلَا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تُسَفُّوا بِغَضٍّ وَلَا تُبَاعِزُوا بِزُورٍ
إِلَّا بِمِثْلٍ وَلَا تُسَفُّوا بِغَضٍّ وَلَا تُبَاعِزُوا مِنْهَا غَائِبًا بِبَاجٍ.⁵⁹

Terjemahan: Jangan kamu menukar emas dengan emas kecuali dengan sama kuantiti dan jangan kamu menukar dengan kuantiti yang lebih. Jangan kamu menukar perak dengan perak kecuali dengan sama kuantiti dan jangan menukar dengan kuantiti yang lebih. Jangan kamu menukar barangan yang ada dengan barangan yang tiada.

Lafaz hadith (وَلَا تَبِيعُوا مِنْهَا غَائِبًا بِبَاجٍ) secara jelas melarang pertukaran barang ribawi sama jenis seperti emas dengan emas dan perak dengan perak secara serahan bertangguh dan *tafāḍul*. Pertukaran barangan sama jenis ini perlu dilakukan tanpa serahan bertangguh. 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

الزُّورُ بِذَهَبٍ رَبٍّ إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ وَالْبُّ بِلُبٍّ رَبٍّ إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ وَالشُّ عِيرٌ بِلِشٍّ عِيرٌ رَبٍّ إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ⁶⁰ وَالنَّمْرُ بِلَنْمَرٍ رَبٍّ إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ.

Terjemahan: Menukar perak dengan emas adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar gandum dengan gandum adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar barli dengan barli adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar kurma dengan kurma adalah riba kecuali penyerahan pada waktu yang sama.

Hadith seterusnya menerangkan pertukaran barangan ribawi berbeza jenis seperti perak dengan emas atau sama jenis seperti barli dengan barli perlu ditukar dengan segera dengan tidak bertangguh. Penjual dan pembeli perlu menyerahkan barang pertukaran di dalam majlis.⁶¹ Serahan yang bertangguh menyebabkan wujud *riba al-nasī'ah* dalam urus niaga tersebut. Abū Minhāl r.a. berkata:

سَأَلَ الْبَاءُ بْنَ عَازِبٍ وَزَيْدَ بْنَ أَرْقَمَ رَضِيَ... أَلَّا عَنْهُمْ عَنِ الصَّ... زَيْدٌ فُكِّلُ وَاجِدٌ مِنْهُمَا يَفُؤُ
هَذَا خَيْرٌ مِنْ فِكْلَاهُ يَفُؤُ نَيْ رَسٍ... وَلِأَنَّ ص... لِي أَلَّا عَلَيْهِ وَس... لَمْ عَنْ بَيْعِ الذَّهَبِ يَلُورِقُ
دِي بَأ.⁶²

⁵⁸ Ibn 'Ābidīn. Radd al-Muhtār. 5: 259.

⁵⁹ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū', Bāb Bay' al-Fiddah bi al-Fiddah no. hadith 2177 dan Muslim, Kitāb al-Musāqah, Bāb al-Riba, no. hadith 1584. Lihat al-Bukhārī. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. 3:74 dan Muslim. Ṣaḥīḥ Muslim. 3:1208.

⁶⁰ Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Musāqah, Bāb al-Ṣarf wa Bay' al-Dhahab bi al-Wariq Naqdan, no. hadith 1586. Lihat Muslim. Ṣaḥīḥ Muslim 3:1209 dan al-Tirmidhī, Kitāb al-Buyū' wa al-Ijārah, Bāb fī al-Ṣarf, no. hadith 1243. Lihat Muḥammad bin 'Isā bin Sawrah al-Tirmidhī. Sunan al-Tirmidhī. Ed. Basyar Iwad Ma'rūf. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1998. 2:536.

⁶¹ al-Subkī, "Takmilah al-Subkī," 10:69.

⁶² Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū', Bāb Bay' al-Wariq bi al-Dhahab Nasī'ah, no. hadith 2180. Lihat al-Bukhārī. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. 3:75.

Terjemahan: *Aku bertanya Bara' Ibn 'Azib r.a. dan Zayd Ibn Arqam r.a. tentang al-ṣarf, kedua-duanya berkata: dia lebih baik daripadaku. Mereka berdua berkata: Rasulullah s.a.w. melarang menukar emas dengan perak yang serahannya secara berhutang (bertanggung).*

Hadith ini pula menerangkan Rasulullah s.a.w. melarang pertukaran emas dengan emas atau emas dengan perak secara hutang atau serahan bertanggung. Pertukaran yang bertanggung akan menyebabkan wujud *ribā al-nasī'ah* yang diharamkan. Ijmak ulama haram jual beli barangan riba yang sama jenis secara bertanggung.⁶³

al-Kasānī menjelaskan tidak boleh disyaratkan penyerahan bertanggung di dalam *al-ṣarf* samada pada kedua-dua wang atau salah satunya. Jika wujud syarat begini maka jual beli *al-ṣarf* menjadi *fāsid* kerana *qabd* kedua wang perlu wujud sebelum penjual dan pembeli berpisah. Selain itu penyerahan bertanggung akan menafikan berlaku *qabd*.⁶⁴

Tiada Khiyār Syarṭ

Khiyār syarṭ ialah satu pihak atau kedua-dua pihak yang berkontrak mempunyai hak untuk meneruskan akad yang dimeterai atau memfasakhkannya (membataalkannya) jika *khiyār* itu disyaratkan dalam akad.⁶⁵ al-Kasānī Jika seorang penjual berkata kepada pembeli, “*saya menjual benda ini kepada kamu dan kamu boleh membuat pilihan dalam masa tiga hari.*” Maksudnya pembeli boleh membuat pilihan sama ada hendak meneruskan akad tersebut atau memfasakhkannya dalam tempoh tiga hari.⁶⁶

Hanya mazhab Hanafi yang meletakkan ‘ketiadaan *khiyār syarṭ*’ sebagai salah satu syarat dalam *al-ṣarf* kerana jumhur mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali berpendapat bahawa syarat-syarat yang lain seperti ‘*qabd* sebelum berpisah’ dan ‘tiada bertanggung’ sudah memadai untuk menggambarkan tidak dibenarkan *khiyār syarṭ* dalam *al-ṣarf*. Sesetengah ulama mazhab Hanafi turut mempunyai pendapat yang sama dengan jumhur fuqaha’ seperti pengarang kitab al-Nahr, al-Baḥr dan al-Nihāyah. Mereka berpendapat tidak perlu meletakkan syarat ‘tiada *khiyār syarṭ*’ dalam *al-ṣarf* kerana syarat *qabd* sudah memadai.⁶⁷

Menurut mazhab Hanafi, sekiranya disyaratkan *khiyār* bagi kedua pembeli dan penjual atau salah seorang daripada mereka maka *fāsid al-ṣarf* kerana *qabd* adalah syarat sah kepada *al-ṣarf*. *Khiyār* akan menegah pembentukan akad dan kesahihan *qabd*.⁶⁸ Jika *khiyār syarṭ* ditetapkan bagi kedua-dua penjual dan pembeli atau salah seorang di dalam akad jual beli matawang maka jual beli tu menjadi *fāsid* kerana *khiyār syarṭ* menegah kesahihan *qabd* dan akad.⁶⁹

Pertukaran subjek akad dalam *al-ṣarf* tidak dibenarkan secara bertanggung kerana akan menyebabkan wujud *ribā al-nasī'ah*. *Khiyār syarṭ* tidak dibenarkan dalam *al-ṣarf* kerana menegah pemilikan secara *lāzim* dalam urusan niaga. Iaitu penjual dan pembeli dianggap memiliki subjek akad apabila tempoh syarat *khiyār* tamat. *Khiyār syarṭ* dalam *al-ṣarf* akan menyebabkan penjual dan pembeli berpisah sebelum *taqābuḍ* kerana kedua-dua pihak boleh membatalkan jual beli yang dilakukan. Contoh penjual berkata “*aku membeli dirham ini dan*

⁶³ al-Nawāwī. al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim. 11:9.

⁶⁴ al-Kāsānī. Badā'i' al-Ṣanā'i'. 5:219

⁶⁵ al-Kāsānī. Badā'i' al-Ṣanā'i'. 5:219

⁶⁶ Faizah Ismail. Asas-Asas Muamalat Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1995. 142.

⁶⁷ Ibn 'Abidīn. Radd al-Muhtār. 5: 257.

⁶⁸ al-Kāsānī. Badā'i' al-Ṣanā'i'. 5:219.

⁶⁹ Ibid.

ke atas aku khiyār selama tiga hari.” Berdasarkan kata-kata penjual ini, pemilikan wang dirham itu hanya bermula selepas tamat tempoh tiga hari. Justeru itu, seolah-olah tidak berlaku *qabḍ* dalam jual beli yang dilakukan.⁷⁰ Dengan kata lain, *qabḍ* tidak berlaku pada jual beli yang meletakkan *khiyār syarṭ* kerana *qabḍ* yang sebenar hanya berlaku selepas tamat tempoh *khiyār syarṭ*. Oleh itu, jual beli *al-ṣarf* yang terdapat *khiyār syarṭ* adalah tidak sah.

Sekiranya kedua-dua pihak meletakkan *khiyār syarṭ* dalam urusan niaga *al-ṣarf* dan kemudian membatalkan *khiyār syarṭ* tersebut. Urusan niaga itu sah menurut pandangan mazhab Hanafi. Walaubagaimanapun, Zufar berpendapat jual beli itu tidak sah dan perlu membuat kontrak yang baru. Manakala *khiyār ru'yah* dan *'ayb* dibolehkan dalam *al-ṣarf* kerana kedua-dua *khiyār* ini tidak menegah kesahihan akad.⁷¹

KESIMPULAN

Kajian ini menjelaskan fungsi utama wang sebagai alat pengukur nilai, alat pertukaran alat penyimpan nilai. Wang yang diperolehi bukan milik individu tetapi perlu dikeluarkan zakat untuk membantu golongan yang memerlukan. Wang juga tidak terhad kepada emas dan perak tetapi ia terpakai kepada item yang diperakui dan diterima oleh masyarakat. Ini menunjukkan Islam sentiasa relevan dengan perubahan zaman. Islam juga menegaskan wang perlu dikeluarkan oleh pemerintah negara supaya tidak berlaku manipulasi terhadap wang yang digunakan oleh orang ramai. Islam melarang riba maka pertukaran wang perlu mematuhi peraturan *al-ṣarf* supaya tidak melibatkan unsur riba dalam urusan niaga yang dilakukan.

RUJUKAN

- ‘Ulaysy, Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad. *Manḥ al-Jalīl Syarḥ Mukhtaṣar Khalīl*. Beirut: Dār al-Fikr. 1989.
- Aḥmad Ḥasan. *al-Awrāq al-Naqdiyyah fī al-Iqtisād al-Islāmī: Qīmatuhā wa Ahkāmuhā*. Damsyik: Dār al-Fikr. 2002.
- al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar. *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah. 1959.
- al-Bāz, ‘Abbās Aḥmad. *Aḥkam Ṣarf al-Nuqūd wa al-‘Umūlāt fī al-Fiqh al-Islāmī wa Taṭbīqātuh al-Mu‘āṣirah*. Amman: Dār al-Nafā’is. 1999.
- al-Buhūtī, Maṣṣūr bin Yūnus bin. *Kaysf al-qinā’ ‘an Matn al-Iqnā’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. T.T.
- al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad. *Iḥyā’ ‘ulūm al-dīn*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah. T.T.
- al-Ḥaṭṭāb, Muḥammad bin Muḥammad. *Mawāhib al-jalīl fī syarḥ mukhtaṣar khalīl*. Damsyik: Dār al-Fikr. 1992.
- al-Subkī, Alī bin ‘Abd al-Kāfī. “Takmilah al-Subkī” dicetak bersama Yaḥyā bin Syaraf al-Nawāwī, al-Mamū’ Syarḥ al-Muhadhdhab ma’a Takmilah al-Subkī wal al-Muṭī’ī. Damsyik: Dār al-Fikr. T.T.
- al-Kāsānī, ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr Ibn Mas‘ūd. *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ ‘Alā Tartīb al-Syarā’i’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1996.
- al-Manī’, ‘Abd Allāh Bin Sulaymān. “Bahth fī al-Awrāq al-Naqdiyyah - Ḥaḳīqatuhā Wa Ḥukmuhā.” *Buḥūth Fī Al-Iqtisād al-Islāmī*. Beirut: Maktabah al-Islāmī. 1996.

⁷⁰ Ibid.; al-Syarbīnī. *Mughnī al-Muḥtāj*. 2:416.

⁷¹ al-Kāsānī. *Badā’i’ al-Ṣanā’i’*. 5:266.

- al-Nasyīmī, ‘Ajīl Jāsim. Taghayyur Qīmah al-‘Umlah fī al-Fiqh al-Islāmī. Majallah Majma’ al-Fiqh al-Islāmī, Bil. 5, Jilid 3. 1988
- al-Nawāwī, Muḥy al-Dīn Bin Syaraf. Al-Majmū’ Syarḥ Muḥadhdhab. Damsyik: Dār Al-Fikr. T.T.
- _____. Muḥy al-Dīn Yaḥyā Bin Syaraf. al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim Bin al-Ḥajjāj. Beirut: Dār Iḥyā’ Turāth al-‘Arabī. 1972.
- al-Qurī, Muḥammad ‘Alī. Muqaddimah al-Nuqūd wa al-Bunūk, Ma’a Tatbīqāt ‘alā al-Mamlakah al-‘Arabīyah al-Sa’ūdīyah Wa ‘Ināyah Bi al-Mafāhim al-Islamīyah. Jeddah: Maktabah Dār Jiddah Li al-Nasyr. 1996.
- al-Syarbīnī, Muḥammad Ibn al-Khātīb. Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma’Rifah Ma’Ānī Alfāz al-Minhāj. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1982.
- al-Zuhaylī, Wahbah Bin Muṣṭafā. al-Tafsīr Al-Munīr fī al-‘Aqīdah Wa al-Syarī’ah wa al-Manhaj. Damsyik: Dār al-Fikr Al-Mu’Āsir. 1998.
- Faizah Ismail. Asas-Asas Muamalat Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1995.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn. Radd Al-Muhtār ‘Alā Al-Durr Al-Mukhtār. Beirut: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah. 1996.
- Ibn Al-‘Arabī, Muḥammad Bin ‘Abd Allāh. Ahkām Al-Qur’ān. Beirut: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah. 2003.
- Ibn Khaldūn, ‘Abd Rahman Bin Muhammad. Muqaddimah Ibn Khaldūn. Damsyik: Dār Ya’Rab. 2004.
- Ibn Taymīyah, Aḥmad bin ‘Abd al-Halīm. Majmū’ah al-Fatāwā. Madinah: Majma’ al-Malik Fahd li Ṭibā’ah al-Muṣhaf al-Syarīf. 1995.
- Ibn Manẓūr, Muḥammad Ibn Mukarram. Lisān Al-‘Arab. Beirut: Dār Al-Ṣādir. 1990.
- Ibn Qayyīm, Muḥammad Bin Abī Bakr Al-Jawziyyah. I’Lām Al-Muwaqqi’In. Beirut: Dār Al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1991.
- Ibn Qudāmah, ‘Abd Allāh Bin Aḥmad Bin Muhammad. Al-Mughnī Li Ibn Al-Qudāmah. Kaherah: Maktabah Al-Qāhirah. 1968.
- Ibn Rusyd, Muḥammad Bin Aḥmad Al-Qurtubī. Bidāyah Al-Mujtahid Wa Nihāyah Al-Muqtaṣid. Kaherah: Dār Al-Hadīth. 2004.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad Bin ‘Abd Al-Halīm. Majmū’ah Al-Fatāwā. Madinah: Majma’ al-Malik Fahd Li Ṭibā’ah Al-Muṣhaf Al-Syarīf. 1995
- Mālik Bin Anas Bin Mālik. al-Mudawwanah. Beirut: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah. 1994.
- Muḥammad Bin Ismā’īl Al-Bukhārī. (2001). Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī. Beirut: Dār Al-Ṭūq Al-Najāh.
- Muslim Bin Al-Ḥajjāj Al-Nisābūrī. Ṣaḥīḥ Muslim. Beirut: Dār Iḥyā’ Al-Turāth Al-‘Arabī. T.T.
- Syawqī Aḥmad Dunyā. Taqallubāt al-Qūwwah al-Syirā’iyah wa Āthar Zālik ‘Alā al-I’timān al-Iqtisādī wa al-Ijtīmā’ī: Taḥlīl Fiqhī wa Iqtisādī. Muslim al-Mu’Āsir. Bil. 41. 1985.